

Anwar nafi berselisih faham dengan Dr. M

KUALA LUMPUR 31 Okt. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan dakwaan wujudnya sebarang masalah dalam hubungan beliau dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Anwar berkata, beliau menghormati dan menganggap Dr. Mahathir sebagai pemimpin utama

negara dan hapa perjuangannya.

Bercakap kepada para pemberita di lobi bangunan Parlimen di sini, hari ini, beliau juga mengulas tindakan Tengku Razaleigh keluar Parlimen lebih awal ketika beliau membentangkan cadangan Belanjawan 1995 pada Jumaat lalu.

"Patut dengarlah (ucapan) saya, disebabkan Ke-

tua Pembangkang (Lim Kit Siang) dengar ucapan saya dan saya dengar ucapan Ketua Pembangkang sampai habis," katanya.

Lim yang juga Ahli Parlimen Tanjong telah mengambil masa kira-kira sejam hari ini untuk membahaskan cadangan belanjawan.

Beliau adalah wakil rakyat yang pertama membahaskan Belanjawan 1995.